

**Angka Girilran.....**

**No. Tempat Duduk.....**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Okttober 2000**

**HMT 501 - Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu Lanjutan**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TIGA [3] SOALAN DI DALAM  
LAPAN [8] HALAMAN.**

**ARAHAN KEPADA CALON:**

1. Jawab SEMUA soalan.
2. Nilai markah soalan-soalan adalah berbeza.

Tulis semua jawapan dalam **BUKU JAWAPAN**.

**Jawab SEMUA soalan.**

1.
  - a. Huraikan perbezaan di antara fonetik akustik, fonetik auditori dan fonetik artikulatori.
  - b. Bersandarkan kepada bahasa Melayu, huraikan perbezaan fonetik di antara konsonan, vokal dan diftong.
  - c. Apakah vokal-vokal kardinal dan vokal-vokal sekunder?
  - d. Daripada lampiran yang diberi dalam **LAMPIRAN A**, kenal pasti fitur-fitur akustik, auditori dan artikulatori yang berkenaan.
  - e. Dengan contoh-contoh transkripsi fonetik yang sesuai daripada bahasa-bahasa yang anda tahu, perlihatkan kes-kes data yang menunjukkan pelabialan, pempalatalan, pengglotalan, konsonan yang silabik, pengnasalan, konsonan panjang dan geminasi.
  - f. Mengapa kes bunyi segmen yang dilambangkan [s] dalam [sapu] ‘sapu’ agak “kontroversial” dalam fonetik bahasa Melayu dan apakah kesignifikanan sesuatu penetapannya terhadap penyelesaian fonologi generatif bahasa Melayu?

[30 markah]

2. Dengan menggunakan pengetahuan anda tentang bahasa Melayu, kata pinjamannya khususnya bahasa Arab dan dialek-dialeknya, cuba cadangkan satu penyelesaian dalam masalah “pengnasalan vokal” dalam fonologi generatif bahasa Malaysia..

[35 markah]

3. Bahasa Melayu telah mempunyai beberapa banyak kata pinjaman di dalam kosa katanya khususnya akibat kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam pembinaan istilah-istilahnya sehingga menimbulkan dua sub-sistem fonologi yang kelihatan seiring. Dengan contoh-contoh yang sesuai apakah penyelesaian **fonologi generatif** anda terhadap data yang tingkah-lakunya bercampur-campur itu? (**Sila gunakan Lampiran B sebagai maklumat tambahan**).

[35 markah]

Angka Giliran .....  
.....

No. Tempat Duduk

- 3 -

[HMT 501]

**Lampiran A**

**MATRIKS FITUR DISTINGTIF BAHASA MALAYSIA**

A. Konsonan.

Silabik  
konsonantal  
Sonoran  
Nasal  
Belakang  
Depan  
Tinggi  
Bundar  
rendah  
kontinuen  
anterior  
koronal  
striden  
suara  
lepas lewat

B. Vokal.

Silabik  
Consonantal  
Sonoran  
Tinggi  
Rendah  
Depan  
Belakang  
Suara

